

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 30 SEPTEMBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 5**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1441-MQT1244  
**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan sektor pembinaan antara yang terkesan akibat penularan wabak pandemik COVID-19. Apakah cabaran yang dihadapi dan bagaimanakah Kementerian Kerja Raya membantu sektor pembinaan dalam mendepani cabaran ini.
  
2. PR-1441-MQT1260  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jika Kerajaan akan menaikkan bayaran pencen bagi golongan B40 selaras dengan kos sara hidup yang tinggi dan ramai yang kehilangan sumber pendapatan di kala pandemik ini.
  
3. PR-1441-MQT1258  
**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan industri perabot pernah memberikan sumbangan nilai eksport yang tinggi kepada negara. Berapa nilai eksport perabot pada tahun 2019, 2020 dan hingga Jun 2021. Apakah langkah Kementerian untuk merancang lagi industri ini supaya mampu menambahkan nilai eksport negara.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 30 SEPTEMBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 11**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1441-L11725  
**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk:-
  - (a) memperkenalkan semula Skim Pembiayaan Tanam Semula Pekebun Kecil (TSPKS) secara percuma kepada pekebun kecil; dan
  - (b) menaiktaraf jalan kebun/ladang pekebun kecil sawit melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran dan dengan kerjasama MPOB.
  
2. PR-1441-L11765  
**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Pandan ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
  - (a) lebih terperinci mengenai kos program vaksinasi yang telah dijalankan; dan
  - (b) apakah strategi seterusnya Kerajaan selain program vaksinasi dalam mengekang penularan wabak COVID-19 yang menyebabkan lebih banyak negeri melaporkan kes baharu harian melebihi 1,000, contoh 9 negeri pada 16 Ogos.

3. PR-1441-L12132  
**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan :-
- (a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi memberikan pendidikan serta kesedaran mengenai kelestarian sungai bagi memastikan kualiti air sungai terjamin; dan
  - (b) sejauh manakah Kementerian telah mengambil tindakan yang sewajarnya dalam memastikan kejadian pencemaran sungai tidak berulang.
4. PR-1441-L11468  
**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [ Kalabakan ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan usaha yang telah digerakkan bagi mewujudkan pelaburan baharu dalam bidang logistik di negeri Sabah memandangkan bidang tersebut merupakan bidang terpenting dalam keadaan hari ini di mana pengangkutan komoditi sangat-sangat diperlukan.
5. PR-1441-L12165  
**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) status terkini Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Perjanjian Malaysia 1963; dan
  - (b) pelan tindakan yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan dalam mengembalikan hak-hak keistimewaan kepada Sabah dan Sarawak .
6. PR-1441-L12666  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status kehilangan pelaburan luar negeri daripada projek Apricot, Facebook dan Google dan anggaran RM12-15 bilion oleh MDEC ekoran dasar Kerajaan PN yang membatalkan pengecualian kabotaj untuk syarikat teknologi tinggi yang diberikan oleh Kerajaan PH.
7. PR-1441-L12230  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah untuk terus memberdaya inisiatif digitalisasi ekonomi sebagai kesinambungan kepada fasa *reform* dalam ekonomi negara.

8. PR-1441-L12478  
**Tengku Zulpuri bin Raja Puji [ Raub ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan tarikh penyiapan dan beroperasi sepenuhnya Central Spind Road. Jumlah kos yang dibelanjakan adakah mengikut bajet yang dicadangkan.
9. PR-1441-L11528  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bilakah jangkaan yang pasti imuniti kelompok 80% boleh dicapai dan adakah rancangan untuk memastikan hingga ke tahap 100% vaksinasi serta apakah persiapan menghasilkan vaksin terhadap varian yang baru serta rancangan untuk menghasilkan vaksin sendiri bagi menghadapi pelbagai virus alpha, delta, lambda dan lain-lain.
10. PR-1441-L12247  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan rancangan penamatan operasi Aermacchi MB-339CM, jumlah rekod penerbangan tujuh buah pesawat sehingga kini.
11. PR-1441-L12630  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan semua orang dewasa di Malaysia tampil menerima vaksin demi mencapai imuniti kelompok ; dan
  - (b) adakah mereka yang tidak ingin menerima vaksin akan dinafikan kemudahan-kemudahan tertentu.
12. PR-1441-L11890  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibul ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan penubuhan PETROS di Sarawak terhadap PETRONAS, dengan usaha mengurangkan karbon yang giat dilaksanakan di negara Eropah, adakah ia akan menjejaskan prospek pembangunan petroleum di Malaysia dan apakah cara untuk mengatasinya.
13. PR-1441-L11803  
**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
- (a) apakah usaha Kementerian dalam mempergiatkan pemberian vaksin kepada komuniti yang tinggal di kawasan pedalaman dalam mencapai sasaran '*herd immunity*' seperti yang dirancang dalam Pelan Pemulihan Negara; dan

- (b) apakah jaminan bagi memastikan bekalan vaksin sentiasa mencukupi terutamanya untuk negeri Sabah.
14. PR-1441-L12546  
**Tuan Khalid bin Abd Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan perincian mengenai perbelanjaan bagi semua program bantuan COVID-19 dan program vaksinasi yang telah dijalankan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan di sepanjang tahun 2021 bagi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.
15. PR-1441-L12519  
**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan dan persediaan dari segi SOP dan norma baru oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi menghadapi pilihan raya semasa pandemik COVID-19.
16. PR-1441-L12183  
**Puan Yeo Bee Yin [ Bakri ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan senarai Kerajaan Negeri yang membeli vaksin sendiri. Kenapakah vaksin ini tidak boleh dibekalkan oleh Kerajaan Pusat. Kenapa Pharmaniaga dibenarkan untuk membuat *profiteering* dengan menjual vaksin kepada Kerajaan Negeri.
17. PR-1441-L12068  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan jumlah fasa lebuh raya yang sedang dibina dan apakah perkembangan terkini Lebuh Raya Centre Spine Road (CSR) Machang - Kuala Krai dan Kuala Krai - Gua Musang.
18. PR-1441-L12093  
**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini sehingga 16 Ogos 2021 berkenaan penyerapan guru-guru KAFA kepada status perjawatan tetap yang telah dijanjikan sebelum ini.
19. PR-1441-L12235  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan manfaat semasa yang diterima rakyat melalui projek Wakaf Air yang telah digerakkan oleh pihak Kementerian sejak setahun yang lalu.

20. PR-1441-L11887  
**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan Lebuh Raya Pan Borneo sepatutnya siap sepenuhnya buat masa sekarang, apakah faktor utama kelewatan dan berapa lama lagi yang diperlukan untuk menyelesaikan projek ini.
21. PR-1441-L11672  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah mahkamah akan memastikan hak-hak tertuduh kekal dipelihara dan tidak akan dikompromi akibat pengendalian perbicaraan-perbicaraan kes secara atas talian termasuk prosiding-prosiding jenayah terutamanya prosiding reman yang sejak kebelakangan ini telah pun dijalankan secara atas talian disebabkan oleh penularan wabak COVID-19.
22. PR-1441-L12547  
**Tuan Khalid bin Abd Samad [ Shah Alam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan pada masa sekarang berhubung status penyediaan satu rang undang-undang berkenaan anti lompat parti untuk mengelakkan fenomena ketidakstabilan politik negara berulang kembali.
23. PR-1441-L12088  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan persediaan Kerajaan ke arah melaksanakan undi 18 tahun dan pendaftaran pengundi secara automatik.
24. PR-1441-L12305  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Port Dickson ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk membentang dan mengemukakan Proklamasi dan Ordinan Darurat.
25. PR-1441-L12545  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat menggubal Undang-Undang Anti Lompat Parti (*Anti-Hopping Law*) dan sekiranya ya, bila.
26. PR-1441-L11863  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan komited dan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang bagi mengehadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada dua penggal sahaja dan juga Undang-Undang Anti-Lompat Parti di Parlimen seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan Perikatan Nasional sebelum ini.

27. PR-1441-L12530  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status program vaksin di seluruh Malaysia dan bilakah kesemua rakyat akan selesai menerima kedua-dua dos vaksin COVID-19.
28. PR-1441-L11623  
**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan program Immunisasi Vaksin Kebangsaan bagi Parlimen Sungai Siput:-
- (a) jumlah yang layak mendapatkan suntikan dan jumlah pendaftaran sehingga 31 Ogos 2021; dan
  - (b) jumlah yang telah divaksinasi sehingga Ogos 2021.
29. PR-1441-L11843  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perkembangan pelaksanaan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) dan bilakah ia dapat dimulakan memandangkan ia perlu disiapkan menjelang tahun 2025 bagi memenuhi keperluan sumber air mencukupi kepada rakyat dan industri di Pulau Pinang.
30. PR-1441-L11635  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keadaan semasa golongan miskin bandar dan miskin luar bandar serta apa yang perlu dilakukan untuk membantu golongan keluarga berpendapatan rendah pulih daripada kes pandemik ini.
31. PR-1441-L11658  
**Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [ Segambut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keseluruhan peruntukan yang ditanggung oleh Kerajaan akibat peletakan jawatan Perdana Menteri ke-8 dan Jemaah Menteri serta jumlah perbelanjaan yang berkaitan untuk pelantikan baharu.
32. PR-1441-L12369  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan status terkini projek penanaman satu juta pokok jenis hutan di hutan simpanan kekal di Sabah yang diusahakan oleh MPOC dan Jabatan Perhutanan Sabah. Nyatakan kos yang terlibat dalam projek penanaman pokok jenis hutan ini.

33. PR-1441-L11601  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah peruntukan/perbelanjaan penggunaan aplikasi MySejahtera bagi pendaftaran vaksinasi dan info berkaitan pandemik COVID-19 kepada orang ramai.
34. PR-1441-L12379  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penubuhan Majlis Khas MA63 dan apakah yang telah dibincangkan dan dipersetujui dalam Majlis tersebut. Apakah yang telah dilakukan sehingga sekarang di bawah Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak sejak penubuhannya.
35. PR-1441-L12397  
**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada rancangan untuk melaksanakan operasi *Surge Capacity* di Pulau Pinang dan Kedah yang kini menghadapi lonjakan kes dan kekurangan bekalan vaksin yang memberi impak negatif kepada kemajuan NIP di Pulau Pinang.
36. PR-1441-L11826  
**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Rang Undang-Undang Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen akan dikemukakan di Dewan Rakyat dalam penggal ini.
37. PR-1441-L11707  
**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendekatan KLN untuk membantu mereka yang berdepan kesukaran untuk mendapatkan visa untuk tujuan melanjutkan pelajaran di luar negara.
38. PR-1441-L11578  
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bilangan warga asing yang telah dan yang belum menerima vaksin COVID-19.
39. PR-1441-L11875  
**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk meminda undang-undang jenayah di bawah Seksyen 309 Kanun Keseksaan agar tidak lagi menjadikan membunuh diri sebagai satu kesalahan jenayah.

40. PR-1441-L12523  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) bilakah projek naik taraf Lebu Raya Pasir Gudang dapat disediakan bagi kesemua fasa; dan
  - (b) berapakah jumlah kos yang terlibat.
41. PR-1441-L11916  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan perniagaan yang telah menggulung tikar serta kerugian yang dialami mengikut pecahan setiap PKP berdasarkan tarikh PKP tersebut sehingga kini.
42. PR-1441-L12216  
**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jika terdapat sebarang komitmen untuk membentuk kerjasama dan persefahaman bersama pihak pembangkang dalam usaha memulih ekonomi dan kesihatan rakyat seperti melalui keanggotaan Jawatankuasa Khas Pilihan Parlimen (*Select Committee*), peruntukan dana bantuan di kawasan dan sebagainya.
43. PR-1441-L11811  
**Tuan R. Sivarasa [ Sungai Buloh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status cadangan untuk penambahbaikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah ( SPRM) yang dibuat oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah ( JKKMAR ) seperti yang dijawab di Dewan Rakyat pada 5 November 2020 khususnya cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah ( SPPR) dan mewujudkan proses pelantikan Ketua Pesuruhjaya lebih telus dan jadikan jawatan itu lebih kukuh dan bebas seperti kedudukan Hakim Mahkamah Persekutuan.
44. PR-1441-L11569  
**Puan June Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pencari suaka dan pelarian di Malaysia serta adakah Kerajaan telah membuat keputusan muktamad dalam soal membenarkan pelarian dari luar negara untuk bekerja di Malaysia.

45. PR-1441-L11966  
**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan penyelesaian bagi pelambakan hasil tanaman sawit dan getah masyarakat luar bandar semasa pandemik. Menteri juga diminta menjelaskan pengimportan komoditi ini dengan harga yang rendah menyebabkan komoditi tempatan tidak dapat dipasarkan.
46. PR-1441-L11919  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai syarikat-syarikat antarabangsa (*multinational corporation*) yang telah menghentikan operasi mereka di Malaysia sejak Januari 2020 sehingga kini, dan sebab-sebab mengapa perkara tersebut berlaku.
47. PR-1441-L12636  
**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelaksanaan Ordinan Darurat yang diwartakan dalam tempoh proklamasi darurat sebelum ini, sama ada masih berkuat kuasa atau tidak dan jika ya, sehingga bila.
48. PR-1441-L11458  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan isu yang berkaitan dengan pembelian 10 buah helikopter tempur ringan MD530G yang telah ditempah tempoh hari. Sudahkah helikopter tersebut tiba atau tidak. Mohon berikan penjelasan.
49. PR-1441-L11982  
**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk memberi vaksin kepada golongan tanpa dokumen dan mereka yang tanpa negara atau '*stateless*' supaya rakyat Sabah dapat mencapai imuniti kelompok dan berapa jumlah vaksin yang akan diperuntukkan kepada Sabah bagi golongan tersebut.
50. PR-1441-L12113  
**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimanakah golongan rentan dan golongan nirwarganegara mendapatkan dua dos vaksinasi COVID-19. Nombor-nombor telefon yang khusus mengikut negeri untuk tujuan tersebut.

51. PR-1441-L11453  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan vaksin COVID-19 yang diberikan kepada negeri Kedah adalah sebanyak 226,00 dos seminggu seperti dilaporkan oleh Menteri Besar Kedah. Walau bagaimanapun pemberian vaksin perlu ditambahkan segera memandangkan peningkatan kes COVID-19 yang mendadak. Bilakah pihak Kementerian dapat menyediakan vaksin tambahan.
52. PR-1441-L11867  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada enam Ordinan-Ordinan Darurat telah diputuskan untuk dibatalkan (*revoked*) berkuatkuasa 21 Julai 2021 dan Ordinan Darurat yang dibatalkan tidak terpakai lagi sepertimana yang telah dimaklumkan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) sewaktu persidangan Parlimen pada 26 Julai 2021.
53. PR-1441-L11481  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan manfaat daripada kerjasama antara Pharmaniaga Lifescience Sdn. Bhd. dengan anak syarikat Kerajaan Negeri Sabah iaitu Qhazanah Sabah Sdn. Bhd. terhadap usaha vaksinasi berfokus kepada rakyat luar bandar di Sabah sedangkan vaksin CanSino dikatakan akan dikhususkan pembekalannya ke Sabah.
54. PR-1441-L11949  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan status terkini pembinaan *Littoral Combatant Ship* dan berapa jumlah yang telah dibelanjakan setakat 30 Julai 2021 untuk projek tersebut.
55. PR-1441-L12303  
**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:-
- (a) apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian untuk menarik lebih banyak pelaburan negara asing ke dalam negara Malaysia; dan
  - (b) nyatakan dengan lebih jelas apakah jenis sektor atau industri baharu yang dilihat berpotensi untuk menarik peluang pelaburan yang lebih kukuh daripada pelabur luar

56. PR-1441-L12661

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan impak kemelesetan ekonomi ke atas pekerjaan, SMEs, industri pelancongan, hospitaliti dan runcit dan mengapa moratorium pinjaman bank tidak boleh dilanjutkan tanpa faedah sehingga akhir tahun.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan masalah dicadangkan :-**

"(a) **BAHAWA** Dewan ini,

**menyedari** akan cabaran untuk memulih serta menjana semula ekonomi negara bagi mencapai pertumbuhan yang mampan, dengan mengambil kira landskap sosioekonomi pasca COVID-19 dan pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020;

**merestui** usaha Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan semangat Keluarga Malaysia, aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030; dan

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh 2021 hingga 2025 yang menetapkan hala tuju strategik bagi mencapai objektif "Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan" dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagihkan secara lebih adil dan saksama serta mengekalkan kelestarian alam sekitar, menurut Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2021.

(b) **BAHAWA** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan sepenuh komitmen dan iltizam yang jitu untuk membangunkan negara secara mampan bagi membolehkan setiap ahli Keluarga Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan kaum menikmati taraf hidup yang wajar. "

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah [ 29 September 2021 ]**

- |    |                 |   |                               |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | ( D.R 3/2021 )  | Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>   |                               |
| 3. | ( D.R 24/2020 ) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020  | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>   |                               |
| 4. | ( D.R 13/2020 ) | Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020   | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Sumber Manusia ]</b>   |                               |

5. ( D.R 14/2020 ) Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**  
[ Menteri Sumber Manusia ]
6. ( D.R 15/2020 ) Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 "  
[ Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi ]
7. ( D.R 12/2020 ) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 "  
[ Menteri Dalam Negeri ]
8. ( D.R 2/2021 ) Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021 "  
[ Menteri Kewangan ]
9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-  
"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM16,500 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang Pembangunan".
10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-  
"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM7,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang COVID-19".
11. PR-1441-U(27)201  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** akan mencadangkan :-  
"Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."  
[ Perdana Menteri ]

12. PR-1441-U(27)202

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** akan mencadangkan :-

"Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."

**[ Perdana Menteri ]**

13. PR-1441-U(27)203

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;
2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;
3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan
4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

**[ Perdana Menteri ]**

14. PR-1441-U(27)204

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuan ]** akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagai tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

No	Portfolio Menteri	PSSC Sepadan Diperlukan
1	JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak	Federalisme dan Desentralisasi*
2	JPM - Hal Ehwal Agama	Hal Ehwal Agama*
3	Hal Ehwal Luar Negeri	Hal Ehwal Luar Negeri
4	Alam Sekitar dan Air	Alam Sekitar dan Air
5	Tenaga dan Sumber Asli	Tenaga dan Sumber Asli
6	Pengangkutan	Pengangkutan**
7	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
8	Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
9	Sumber Manusia	Sumber Manusia
10	Komunikasi dan Multimedia	Komunikasi dan Multimedia
11	Belia dan Sukan	Belia dan Sukan
12	Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan, Seni dan Budaya
13	Perpaduan Negara	Perpaduan Negara
14	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Pembangunan Usahawan dan Koperasi

**[ Perdana Menteri ]**

15. PR-1441-U(27)205

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

**[ Perdana Menteri ]**

16. PR-1441-U(27)206

**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi Kawasan Pengerang untuk mencadangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2021 dan Rang Undang-Undang Pemecatan Ahli-ahli Parlimen 2021."

**[ Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2021</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 103	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Bagi Tahun 2019	30 September 2021
ST. 104	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Bagi Tahun 2019	30 September 2021
ST. 105	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia Bagi Tahun 2019	30 September 2021
ST. 164	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara Bagi Tahun 2019	30 September 2021

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 30.09.2021 (Khamis)	1. YB Tuan Kesavan A/L Subramaniam (Sungai Siput)	1. Isu Penutupan Operasi Markas Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Sungai Siput (U)	1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
2. 30.09.2021 (Khamis)	2. YB Dato' Sri Azalina Othman Said (Pengerang)	2. Status Tindakan Susulan Penyelesaian Isu Banjir Di Kawasan Parlimen Pengerang	2. YB Menteri Alam Sekitar Dan Air

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**